
[Home](#) [Tentang Kami](#) [Hubungi Kami](#)

Wednesday 24 July 2013

Koleksi Khas N. A Halim

PENGENALAN

N. A. Halim dilahirkan pada 17 Mac 1938, di Lenggong, Perak, dan meninggal dunia di Hospital Besar Kajang pada 25 Oktober 1999. Dia meninggalkan kampungnya menuju ke persekitaran yang asing di Kuala Lumpur dengan berbekalkan sekeping sijil Darjah 7 dari sebuah sekolah Melayu. Dia melakukan kerja rencam: bermula sebagai pelukis gambar dan potret di jalanan, kemudian sebagai juruelektrik dan juga seorang tukang masak. Bakat melukisnya dikesan oleh Allahyarham Mubin Sheppard (1905 - 1994), yang mengambilnya bekerja di Muzium Negara sebagai pengumpul dan pekerja lapangan. Begitulah bermulanya kerjayanya yang menguja di muzium sebagai pelukis diorama pada tahun 1963. Dengan galakkan daripada Sheppard dan suasana yang sesuai bagi memupuk bakat serta kemahiran melukis dan mengumpul sampel hidupan liar, dia berasa sungguh bertenaga dan penuh dengan idea. Dia mengumpul sampel batu karang, ikan dan lain-lain organisme hidupan laut bagi membuat Diorama Lautan, dan harimau, harimau bintang, beruang serta lain-lain haiwan bagi menyiapkan Diorama Hutan untuk Muzium Negara. Dia mula menganggap dirinya sebagai penyelidik selepas menghadiri sebuah kursus sejarah lisan pada tahun 1975 di Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur, dan beberapa kursus lain dalam arkeologi seni bina, fotografi udara dan lukisan teknikal di pelbagai institut vokasional di Indonesia. Berbekalkan pendidikan dan latihan tersebut serta bakat dan kemahiran yang semula jadi, dia menjalani kehidupan yang berwarna-warni dan menguja dengan mengembara, menulis, mengambil gambar foto, mendraf dan mengumpul artifak Melayu. Dia telah menulis banyak artikel tentang subjek kegemarannya iaitu seni bina tradisional, sejarah, budaya, dan hidupan liar Melayu. Antara babak yang menarik dalam hidupnya ialah tugas yang berikut:

1. Pada tahun 1968, dia dipinjamkan kepada Zoologi Geneva dan ditugaskan untuk menangkap 2,000 ular yang berbeza dari seluruh Malaysia.
2. Pada tahun 1973, dia telah dilantik sebagai perunding seni bina tradisional ASEAN oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Malaysia.
3. Pada tahun 1979, dia dipinjamkan kepada Muzium Brunei bagi memberikan kursus kepada kakitangan muzium itu.

[Translate](#)

Select Language ▾

Powered by Google Translate

Ruang Interaktif

Label

[Adat Perpatih \(6\)](#) Baba's

Pantun (1) Glosari (1) Istana Seri Menanti

(1) Koleksi Khas N.A Halim (4)

Pantun (2) Pantun Baba (1) Pengenalan

(1) Resipi Masakan (3) Risalah Acara

(1) Sari (1) Sari Online (1) Sejuta

Pantun (2) Senibina (3)

Dia merupakan salah seorang daripada kakitangan yang bertanggung jawab menyediakan bahan bagi pameran sejarah semula jadi yang pertama di Muzium Negara pada tahun 1964, sebelum memilih untuk bersara pada tahun 1988. Ketika bertugas dengan muzium, dia menjelajah seluruh negara dan mengambil gambar segala perkara yang menarik perhatiannya. Muzium Negara menjadi tempat dia mengembangkan kerjaya profesionalnya sebagai arkitek pemulihian dan jurugambar, penyelam, penangkap ular, dsb. Antara asetnya yang paling berharga ialah pengalaman yang luas dan bakat dalam penulisan, fotografi, seni bina, epigrafi dan tradisi lisan. Oleh sebab dedikasinya terhadap pemeliharaan dan pemberian, Muzium Negara telah mentauliahkannya untuk mereka bentuk sebelas rumah tradisional Melayu yang terdapat di sebelas negeri di Malaysia untuk dibina di pusat pelancongan Taman Mini Malaysia, Ayer Keroh, Melaka. Lain-lain sumbangan berharga yang sangat membanggakannya termasuk yang berikut:

1. Dia merancang dan membina sebuah rumah tradisional Melayu di Muzium Negara, Kuala Lumpur.
2. Dia menyediakan salasilah keluarga diraja Melayu dalam Dunia Melayu bagi Muzium Raja Johor (Istana Besar) Johor Baru.
3. Dia mereka bentuk sebuah rumah wakaf di Muzium Negara, Kuala Lumpur.
4. Dia mereka bentuk Rumah Universiti di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
5. Dia mereka bentuk sebuah rumah wakaf di Taman Pantun, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Sumbangannya diiktiraf dalam berbagai bentuk, termasuk penganugerahan Pingat Khidmat Cemerlang daripada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan pada tahun 1978. Pada tahun 1990, ketika berkhidmat di UKM, dia dianugerahkan Sarjana Kehormat Sastera.

Pada tahun 1970 dia berkahwin dengan Cik Zainab binti Haji Musa dan telah menjalani kehidupan berkeluarga yang bahagia bersama empat cahaya mata, dua pasang lelaki dan perempuan. Dia menghargai masa lapang yang ada dan memanfaatkannya dengan mengembara, mendokumenkan dan menulis tentang perkara yang dianggap bererti dan penting bagi dirinya dan budaya Melayu. Cintanya terhadap fotografi, mengembara, dan menulis kekal sepanjang hayatnya. Ketika merantau di serata Malaysia dan Dunia Melayu atas tugasannya bagi Muzium Negara, atau menghadiri kursus di Indonesia, atau membentangkan kertas kerja, atau mengadakan kursus, dia sentiasa mencari bahan fotografi dan penulisan. Antara bahan fotografi kegemarannya ialah rumah, masjid, istana dan perahu Melayu yang semuanya memperkenalkan aspek seni bina Melayu yang berbeza-beza. Dia boleh dikatakan sebagai perintis pendokumentan fotografi warisan Melayu berdasarkan koleksi yang diwariskannya kepada PATMA (singkatan bagi Perpustakaan ATMA). Padanya, gambaran lisan bagi gaya seni bina adalah sangat daif jika dibandingkan dengan pernyataan bergambar. Misalnya, gambar yang elok sebuah istana boleh dianggap sebagai pernyataan yang benar kerana ia boleh dijadikan suatu kenyataan, menggambarkan kuasa, sejarah dan budaya. Minatnya terhadap fotografi mungkin juga didorong oleh hakikat yang gambar foto tidak menyampaikan maklumat yang palsu, berbanding dengan tulisan di dalam buku yang mungkin mengandungi kesilapan atau pembohongan.

Akibatnya, maklumat bergambar menjadi sangat penting bagi koleksi N. A. Halim. Sesiapa yang belum pernah melihat istana diraja Kuala Kangsar akan ingin melihat gambarnya. Serupalah dengan sesiapa yang tidak pernah melihat Batu Bersurat Kuala Terengganu akan menghargai gambarnya. Begitu juga perbezaan antara bot nelayan Kelantan dengan bot nelayan Terengganu, atau perbezaan antara rumah Perak dengan rumah Kedah, yang boleh dilihat dengan lebih berkesan melalui gambar berbanding dengan perkataan. Pandangan udara bangunan (misalnya masjid), upacara yang sedang berlangsung (misalnya kenduri kahwin) atau objek kecil (termasuk keris Melayu), atau orang sedang bersantai, adalah juga antara contoh subjek pilihan N. A. Halim. Bukan saja tiada had pada potensi penyampaian dan interpretasi mana-mana subjek, pemerian melalui penulisan tidak akan dapat menyampaikan maklumat yang serupa dengan berkesan. Tiada pemandangan harian yang lebih dramatik daripada gambar sebuah masjid pada waktu tengah hari, dengan jaluran sinaran matahari yang menembusi daun-daun di taman dan menerangi bumi dengan lopak cahaya, atau kilauan lantai marmar putih di masjid ketika bulan penuh. Yang penting baginya ialah setiap gambar mengandungi maklumat unik yang sukar disampaikan dalam cara lain, biarlah walau bagaimana remeh pun maklumat itu.

Memandangkan nilai sesuatu foto itu terletak pada keberlangsungan dan impak visualnya, maka ia lebih baik daripada lain-lain perantara. Hakikatnya dapat dilihat pada gambar foto N. A. Halim. Dia sedar bahawa sesuatu objek atau subjek tidak boleh dimengerti tanpa gambaran objek atau subjek itu sebagai sebahagian daripada satu keseluruhan. N. A. Halim telah berusaha untuk mendokumentkan seni bina Melayu dalam apa juar cara yang mungkin. Dia tidak membuat anggapan bahawa sebuah bangunan, masjid, perahu, rumah dan malahan sebatang sungai atau sebuah tasik yang diminatinya akal kekal seadanya sampai bila-bila. Kini, dia telah mengabadikan imej-imej itu bagi kita semua. Sebagai contoh, dia akan mengambil gambar sebatang rasuk dari berbagai sudut - tampak sisi, tampak atas dan tampak bawah -

Capaian Blog

- ▼ 2013 (27)
 - September (3)
 - ▼ July (12)
 - Senibina Negeri Sembilan
 - SARI ONLINE
 - SEJUTA PANTUN
 - PANTUN BABA
 - KOLEKSI KHAS N.A HALIM
 - KOLEKSI KHAS N.A HALIM
 - Koleksi Khas N. A Halim
 - Istana Seri Menanti
 - Resipi Bahulu
 - Resipi Badak Berendam
 - Resipi Abok-Abok
 - PANTUN ASMA AL-HUSNA
 - June (3)
 - May (1)
 - April (2)
 - March (6)

Popular Posts

- PANTUN ASMA AL-HUSNA
PANTUN AI-ASMA AL-HUSNA
Banyak makhluk hidup melata
Baik siang maupun malam
Siapa nama Tuhan kita Allah
Tuhan sekelian alam Ba...
-  KAJIAN PENYELIDIKAN DAN PENELITIAN DI GALERI DIRAJA SULTAN ABDUL AZIZ, KLANG, SELANGOR
Pada 9 Julai 2013 sepasukan penyelidik dari Pusat Penyelidikan Manuskrif Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Ma...
-  KAJIAN PENYELIDIKAN DAN PENELITIAN MUZIUM DIRAJA ISTANA SERI MENANTI, KUALA PILAH, NEGERI SEMBILAN
Pada 31 Mei 2013, sepasukan penyelidik daripada Pusat Penyelidikan Manuskrif Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan...
- KOLEKSI KHAS N.A HALIM
GLOSARI Top of Form No ...
-  BENGKEL KULIAH PERPUSTAKAAN DAN PENYELIDIKAN ALAM MELAYU (Z1II 6012) / PORTAL malaycivilization.ukm.my


cara yang sama seperti seorang jurufoto bola sepak profesional yang akan menangkap gambar jaringan gol dari berbagai sudut. Di sinilah letaknya keunikan seni fotonya. Dia juga tahu bahawa semua bahan akan berguna pada seseorang, pada sesuatu tempat dan pada sesuatu ketika nanti. Sebelum gambar foto menjadi komoditi yang diperdagangkan N. A. Halim telah sedar bahawa satu hari nanti gambar fotonya akan menjadi berharga apabila objek yang diambil gambarnya tidak lagi wujud.

N. A. Halim merupakan seorang jurufoto amatir yang hebat, yang tidak pernah mengambil gambar semata-mata untuk dijual. Dia dianggap sebagai salah seorang perakam visual terhandal Malaysia pada abad ke-20 walaupun tidak pernah mendapat pendidikan formal dalam bidang fotografi. Bakatnya dalam mengambil gambar foto yang berguna diasah melalui pengalaman dan pengkhususan. Minatnya terhadap mendokumentasi sejarah budaya Melayu bermula pada pertengahan tahun 1960-an ketika dia bertugas di Muzium Negara. Projek rasmi yang dilaksanakannya bagi muzium itu telah mendorongnya untuk mencari sebanyak mungkin peninggalan budaya yang masih wujud. Dia mengambil peluang itu bagi mengembangkan minatnya dalam bidang fotografi walaupun ia bidang yang sangat sibuk dan mahal. Ketika menjalankan beberapa tugas lapangan dia tertarik pada reka bentuk unik dan struktur indah bahan budaya Melayu - rumah, istana, perahu, masjid, batu nisan, sama ada masih baru atau dah lama, masih digunakan atau sudah ditinggalkan, berkeadaan baik atau usang. Dia mendapat kepuasan daripada aktiviti itu dan menjadi inspirasi bagi ramai yang lain. Dia mungkin tidak berniat untuk mewujudkan koleksi foto dan slaid yang besar apabila memulakannya 40 tahun yang lalu. Pasa asalnya dia mungkin mula mengumpul untuk kepuasannya sendiri. Walau apapun, dia sememangnya pengumpul yang berdedikasi. Dia menyimpan berkeping-keping maklumat visual dalam cara yang membingungkan, dan skop koleksinya menampakkan iltizamnya terhadap pendokumenan budaya Melayu dan Malaysia. Dia telah mengumpulkan sebuah koleksi yang hebat tentang pelbagai jenis subjek selama empat puluh tahun. Dia juga sedar bahawa bagi sesuatu gambar foto atau lakaran untuk mempunyai nilai maklumat, ia mestilah disimpan dengan teratur supaya boleh dikenal pasti melalui prosedur mudah. Walaupun penstoran gambar foto dan slaid menggunakan sedikit ruang berbanding bahan cetak, namun gambar dan lakaran adalah lebih rentan dan susah dikendalikan. Penstoran itu sebaik-baiknya dikendalikan oleh sebuah institusi yang diwujudkan khas bagi tujuan itu, memastikan objek tersebut hanya boleh dicapai betul-betul bagi tujuan akademik dan seni sahaja. Kami berterima kasih pada beliau kerana mengabadikan dan memantapkan imej-mej tersebut melalui sifat geniusnya. Banyak gambar foto yang diambilnya pada tahun 1960-an kini menjadi sangat berharga. Dokumentasi fotonya menjadi bahan mentah yang tiada tandingan bagi semua terbitan dan seminarnya. Bagi N. A. Halim, sekeping gambar foto ialah dokumen yang penting. Kini gambar-gambar itu menjadi sumber maklumat bagi kita mengkaji budaya dan masyarakat Melayu dari tahun 1960-an hingga 1990-an. Adakah dia mengambil gambar untuk dirinya sendiri atau adakah terdapat prinsip yang membimbangi keseniannya? Koleksinya ialah bukti nyata bagi aktiviti dan kejayaannya.

Jelas sekali selain daripada mengambil gambar, dia juga telah menghabiskan banyak masa dan tenaga pada penulisannya. Banyak gambar foto dan slaid yang diambilnya tentang haiwan dan tumbuhan, orang dan bahan budaya digunakan sebagai ilustrasi dalam artikel, buku dan kertas seminarnya. Antara lain, dia mula menulis dengan tetap untuk Dewan Pelajar, Dewan Masyarakat dan Utusan Malaysia pada tahun 1960-an. Maklumat bibliografi penulisan popular tersebut disenaraikan di halaman 517 hingga 543 katalog Koleksi N. A. Halim (Bangi: Perpustakaan Alam & Tamadun Melayu, 1992). Selain daripada menulis artikel popular, menyampaikan kertas kerja di seminar dan berkhidmat sebagai perunding, dia juga menerbitkan buku melalui Dewan Bahasa dan Pustaka, Penerbit UKM, Fajar Bakti, Muzium Negara, Berita Publishing dan Darulfikir. Senarai penerbitannya ialah seperti berikut:

1. Sejarah Perak: Siri Pertama. Kuala Lumpur: Jabatan Muzium, 1977. 223 hlm.
2. Tempat-tempat Bersejarah di Kelantan. 1979.
3. Tempat-tempat Bersejarah: Perak. Kuala Lumpur: Jabatan Muzium, 1981. 252 hlm.
4. Masjid-masjid in Semenanjung Malaysia. Kuala Lumpur: Berita Publishing, 1984. 73 hlm.
5. Pengenalan Rumah Tradisional Melayu: Semenanjung Malaysia. Kuala Lumpur: Darulfikir, 1985. 104 hlm.
6. Ukiran Kayu Melayu Tradisional. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1986. 159 hlm.
7. Traditional Malay Woodcarving. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1987.
8. Kota-kota Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993. 249 hlm.
9. Rumah Melayu Tradisi. Kuala Lumpur: Fajar Bakti, 1994. (dikarang bersama Wan Hashim Wan Teh)
10. Seni bina masjid di dunia Melayu-Nusantara. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1995. 196 hlm.

Bengkel ini telah diadakan pada 22 Jun 2013 di Makmal Latihan, Perpustakaan Tun Seri Lanang (PTSL), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) p...



(no title)

LAWATAN
LEMBAGA
PENGARAH UKM
(LPU) KE ATMA
Pengerusi

Lembaga Pengurusan Universiti (LPU) telah melakukan lawatan ke Institut Alam dan ...

- **Koleksi Khas N. A Halim**
PENGENALAN N. A. Halim dilahirkan pada 17 Mac 1938, di Lenggong , Perak, dan meninggal dunia di Hospital Besar Kajang pada 25 Oktober 1...



Resipi Badak Berendam
Resipi Badak Berendam
Bahan-bahan untuk Inti Kelapa

: Sebijji kelapa parut (putih sahaja) 1 cawan gula merah 1 cawan air 3 ...

- Portal Malaycivilization ATMA, nama ringkas bagi Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), menggalakkan penyelidikan multi-disiplin ...



Senibina Negeri Sembilan
Antara senibina di Negeri Sembilan Untuk maklumat selanjutnya layari Portal ATMA

11. Memoir Abdul Halim Nasir dari Kampung Sekolah ke Menara Gading. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1998. 275 hlm.
12. Lembangan Sungai. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, (akan datang).

Berdasarkan penerbitan di atas, jelaslah bahawa N. A. Halim telah berusaha untuk mewujudkan suber maklumat baru, dan tidak semata-mata menjadi seorang pengumpul pasif. Latihan, daya cipta, penyelidikan, pengalaman, falsafah, keperibadian, dan kepakarannya jelas terbukti dalam buku-bukunya. Dia tidak pernah mengetengahkan hal-hal peribadi kecuali dalam memoirnya (1998). Kerja-kerja yang diterbitkan telah mendapat sanjungan antara bangsa. Terbitan yang ditulis dalam bahasa Melayu pada asalnya telah menarik minat pembaca dari seluruh dunia. Mereka terpesona dan terpukau oleh fotografi dan daya ciptanya. Oleh itu, banyak terbitannya telah diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris dan banyak juga yang menjadi panduan piawaian rujukan tentang seni bina Melayu. Dalam terbitan ini dan seminarnya, dia memberikan maklumat terperinci mengenai bangunan Melayu dengan memberikan struktur, reka bentuk, susun atur, dan keadaan. Dia jatuh sakit dan meninggal dunia sewaktu mengusahakan buku Rivers in Malaysia. Ketika itu dia bertugas sebagai karyawan tamu di Penerbit UKM.

Semua penerbitan ini mengukuhkan lagi ketokohan N. A. Halim sebagai seorang sejarawan disanjung tinggi yang sepanjang hayatnya sentiasa mendokumentasikan masjid, istana, rumah, rakyat dan alam semula jadi, menjadikannya seorang pakar rumah tradisional Melayu dan pendokong kuat pemeliharaan warisan budaya yang semakin lenyap. Koleksinya juga benar-benar menggambarkan tahap, bidang, semangat dan gaya penglibatannya dalam kebudayaan Melayu. Kita mungkin tertanya-tanya kenapa dia mewujudkan satu koleksi khas. Koleksinya itu terbentuk melalui gabungan koleksi gambar foto, slaid dan bahan cetak yang berbeza-beza. Sesungguhnya, koleksi yang lengkap itu adalah ciptaan sepenuhnya, satu sumber gergasi daripada seorang yang sangat berbakat, yang mengabadikan sejarah budaya Melayu dalam apa cara juapun. Keunikan koleksi itu bukan saja terletak pada kepelbagaiannya bukan bukunya, tetapi juga pada jumlahnya. Koleksi tersebut boleh dikenal pasti dengan merujuk silang secara teratur item yang berikut:

1. 7,736 gambar foto,
2. 7,983 slaid,
3. 300 satah,
4. 150 peta, dan
5. 1092 buku, artikel, kertas seminar, tesis dan laporan.

Bersandarkan maklumat di atas, koleksi N. A. Halim merangkumi pelbagai media, daripada gambar foto, slaid dan lakaran kepada lukisan dalam perkadarannya yang berbeza-beza. Sejumlah besar item berharga yang jarang didapati telah ditemui dalam koleksi tersebut, menjadikannya semakin bernilai. Mungkin kerana dia sengaja mengumpulkan koleksi itu tanpa sebarang haluan yang jelas, supaya kecenderungannya sendiri tidak membataskan hasilnya nanti. UKM menerima sumbangan itu sebagai sebahagian daripada koleksi yang lebih besar yang berbaloi disimpan, dipelihara, dikapsyen dan dikatalog. Antaranya terdapat gambar yang mengagumkan, lakaran dan lukisan yang boleh disalin dengan memuaskan, dan berguna pada ramai penyunting gambar.

N. A. Halim bukan sahaja seorang pengumpul berdedikasi yang menghabiskan sebahagian besar hidupnya mengembangkan koleksinya, tetapi juga seorang perancang yang percaya bahawa peluang koleksi itu untuk terus kekal adalah lebih baik jika diserahkan kepada sebuah institut penyelidikan atau perpustakaan yang mantap. Maka, koleksi itu diserahkan kepada ATMA tanpa dikenakan sebarang ikatan. Dengan itu, dia bukan setakat berjaya mendapatkan tempat baru bagi koleksinya, tetapi juga mengelak daripada memelihara keutuhan koleksi itu. PATMA telah mengklasifikasikan koleksi itu menurut subjek yang berbeza-beza menggunakan Library of Congress Subject Headings, memeliharanya sebagai satu keseluruhan yang lengkap dengan bahagian-bahagiannya, dan Halim sendiri telah menyediakan kapsyen koleksi itu. Kini bahan itu menjadi teras bagi satu koleksi khas. Walaupun gambar, slaid, lakaran, peta itu diletakkan pada rak yang berasingan, semua bahan itu disimpan di dalam bilik yang sama, bermakna bahan yang berbeza-beza itu saling berkaitan. Dalam erti kata lain, item itu tidak boleh cerap secara individu dan di luar konteks. Dua tahun kemudian, Katalog Koleksi N. A. Halim (1992) pun diterbitkan. Pada masa yang sama, kakitangan perpustakaan telah melepaskan item itu dalam sampul plastik pelindung atau fail yang lengai secara kimia, mengurangkan kemungkinan berlakunya sebarang kerosakan. Walaupun dompet tepi terbuka ini membolehkan udara beredar, ia juga membenarkan masuk habuk dan berlakunya pemeluwapan. Koleksinya mempunyai pelbagai aspek, dan berharga oleh sebab yang berikut:

- i. Jumlah item tentang seni bina Melayu;
- ii. Pelbagai subjek lain;
- iii. Melengkapi pelbagai subjek berkaitan budaya Melayu; dan
- iv. Kaitannya dengan bidang penyelidikan dan keperluan ATMA,

Usaha yang telah dijalankan oleh perpustakaan boleh dirumuskan sebagai:

1. Menghimpunkan item yang berkaitan dengan subjek, tema atau bidang yang serupa berhampiran dengan satu sama lain.
2. Menyediakan bahan bagi golongan yang mungkin memerlukannya dalam mengejar pendidikan atau kerjaya mereka.
3. Menyediakan dokumentasi berbentuk bahan berilustrasi, sama ada bagi tujuan pendidikan, penyelidikan atau peninjauperiksaan.

Sumbangan Halim kepada PATMA jelas dilakukan demi kepentingan penyelidikan. Maka, ia bukanlah satu matlamat dengan sendirinya. Kemungkinan mengatur seiring bahan bukan cetak dengan bahan cetak memberikan penyelidikan di ATMA satu perincian baru. Koleksi boleh berpotensi menarik pelbagai jenis pengguna, asalkan ia diatur supaya mudah dicapai. Dengan itu, kami telah memutuskan untuk menempatkannya di jaringan sejagat. Geran penyelidikan daripada DAGS/MIMOS telah membolehkan pendigitan dimulakan pada pertengahan tahun 2002. Kami telah mengambil kesempatan bertemu dengan anaknya, Hazrul Halim yang bertugas di UKM untuk mendapatkan bahan yang masih berada dalam simpanan keluarganya. Bahan-bahan ini boleh mengisi kekurangan dan mengembangkan koleksi yang ada. Ekoran itu, kami berjaya menambah lebih kurang 2,000 item baru.

Posted by malaycivilization.com at [17:41](#)

Labels: [Koleksi Khas N.A Halim](#), [Pengenalan](#)

1 comment:

Anonymous 9 February 2014 at 22:59

*berkahwin dengan Zainah bt haji musa

[Reply](#)



Enter comment

[Newer Post](#)

[Home](#)

[Older Post](#)

Subscribe to: [Post Comments \(Atom\)](#)

Travel theme. Powered by [Blogger](#).